

# Mencorak kepemimpinan masa depan universiti

*Berita Harian (Surat Pambaca) m/s 74, 2/2/2020 (Ahad)*

Pemimpin boleh datang dan pergi, malah ada yang tergelincir serta tersasar. Namun, agenda perjuangan dan matlamat organisasi perlu digalas.

Pemimpin dahulu kita sanjungi dan pemimpin semasa wajar dihormati. Pemimpin masa hadapan pula perlu dibangunkan berdasarkan keperluan dan cabaran mendatang.

Transformasi kepemimpinan itu dinamik dan semakin kompleks dalam revolusi industri sularan perubahan dalam konteks persaingan serta kreativiti daripada sudut teknologi maklumat, inovasi dan persaingan ekonomi.

Melihat dua dimensi ini, kita perlu membezakan antara pembangunan pemimpin dan pembangunan kepemimpinan.

Pembangunan pemimpin merujuk peningkatan keupayaan individu untuk memimpin dengan berkesan, manakala pembangunan kepemimpinan membina keupayaan organisasi untuk melaksanakan tugas kepemimpinan yang diperlukan untuk mencapai misi organisasi.

Asas ini perlu digabungkan bagi menghasilkan keperluan terha-

dap tenaga mahir dengan tahap penguasaan kompetensi kepemimpinan tinggi dan berupaya mendepani cabaran pada masa akan datang.

Perubahan ini juga memberi kesan kepada ekosistem pendidikan pengajian tinggi.

Yang jelas teras kepemimpinan menjadi antara tonggak utama institusi, selain tadbir urus, pengurusan akademik, pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan.

Pemimpin berwawasan memiliki kemampuan berfikir dalam pelbagai pendekatan, dalam masa sama berupaya menerapkan sifat positif dalam diri.

Dalam perspektif universiti awam (UA), kepemimpinan institusi perlu dibangunkan melalui perancangan tersusun dengan jangkaan bagi pembangunan kelompok bakat yang mempunyai standard kompetensi selari arus global.

Justeru, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) yang menerajui pembangunan bakat kepemimpinan Institusi pengajian tinggi, sentiasa melihat mekanisme bersesuaian dan relevan de-

ngan standard antarabangsa. Ini bagi memastikan instrumen dan metodologi yang efektif dalam pembangunan bakat kepemimpinan universiti awam.

Inisiatif pembangunan dan pemantapan kepemimpinan institusi adalah usaha berterusan AKEPT bersama-sama rakan kolaborasi strategik dalam kalangan universiti awam, bagi memastikan pemimpin dan bakal pemimpin institusi pendidikan tinggi negara dibentuk.

Ini berlaku melalui latihan pembangunan dan pemeraksanaan kepemimpinan yang berstruktur dan dinamik, di samping penekanan terhadap mutu, kualiti dan impak.

Kolaborasi ini perlu digembleng dengan menambah baik integrasi Sistem Pengurusan Sumber Manusia di universiti dalam memberikan penekanan kepada keberkesanan fungsi pengurusan sumber manusia, bermula proses pengambilan, pemilihan, penempatan, latihan, penilaian prestasi, penghargaan serta urus tadbir yang baik.

Universiti juga perlu memantapkan pelaksanaan inisiatif dan strategi dalam pembangunan bakat. Program latihan dan pem-

angunan terancang perlu dilaksanakan bagi memenuhi jurang kompetensi dalam menghasilkan kumpulan bakat yang berkemahiran tinggi dan produktif.

Usaha berterusan perlu dijalankan bagi mengenal pasti kompetensi bersesuaian bagi menghadapi perubahan pengurusan sumber manusia yang semakin men-

cabar. Dalam ruang lingkup lebih kompleks, cabaran pemimpin di institusi pengajian tinggi masa kini berhadapan landskap persekitaran budaya kerja di UA juga perlu mengalami transformasi agar aspirasi pembangunan dan perubahan ini dapat dicapai secara holistik.

Keinginan permintaan dan keperluan pemegang taruh yang sentiasa ingin melihat institusi ini pada tahap terbaik, berkualiti dan sentiasa berdaya saing menjadikan ia satu institusi pilihan.

Walaupun tuntutan kompetensi domain dalam teknologi, ciri kepemimpinan sebenar tidak akan dapat dipisahkan dengan keaslian kompetensi perilaku, termasuk komunikasi, nilai, etika dan integriti dan kerja berpasukan.

Kepemimpinan memerlukan pengurusan hubungan manusia yang kukuh dan konsisten, membentuk satu pasukan kumpulan yang mampu berkerja sebagai sebuah entiti yang berupaya menyumbang kepada produktiviti dan matlamat organisasi dengan penggunaan sumber yang optimum.

Melangkah gagah pada masa hadapan, diharap AKEPT dan Kementerian Pendidikan sentiasa menambah baik kerangka dan falsafah dalam pemilihan pemimpin dan pembangunan bakat yang berpotensi diketengahkan sebagai tonggak masa depan negara.

Penguasaan kompetensi kepemimpinan diberi keutamaan untuk dibangunkan dengan menyediakan struktur intervensi dan pembangunan sistematik dengan pelbagai pendekatan, sama ada latihan secara formal mahupun perkongsian bersama pihak berkepakaran, pemimpin organisasi dan kumpulan profesional.

**Muhamad Tasyrif Ghazali**  
Eksekutif Kanan Jabatan Pendaftar,  
Universiti Malaysia Pahang (UMP)